



## **TEKS UCAPAN**

**YBHG. TAN SRI DR. ALI BIN HAMSA  
KETUA SETIAUSAHA NEGARA**

**SESI BERSAMA MEDIA**

**TINDAKAN SUSULAN  
LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2014 SIRI 1**

**AUDITORIUM PERDANA, ANGKASAPURI  
7 APRIL 2014 (SELASA)**

*Bismillaahirrahmaanirrahim.*

*Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,*

**Salam Sejahtera dan**

**Salam “1Malaysia: Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan”.**

**YBhg. Tan Sri Mohamad Zabidi Zainal,**

**Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam;**

**YBhg. Tan Sri Ambrin bin Buang,**

**Ketua Audit Negara;**

**Ketua-ketua Setiausaha Kementerian, Ketua-Ketua Jabatan dan Agensi Kerajaan;**

**YBhg. Tan Sri - Tan Sri, Dato' Sri - Dato' Sri, Dato' - Dato', Datin - Datin dan rakan-rakan media yang dihormati sekalian.**

## **PENDAHULUAN**

1. Saya memanjatkan setinggi kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T. kerana di bawah rahmat dan inayahNya, kita masih diberi kesempatan untuk hadir bersama di majlis **Sesi Bersama Media Tindakan Susulan Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2014 Siri 1** pada hari ini.

2. Seperti mana yang pernah saya janjikan, Sesi Bersama Media seperti ini akan diadakan setiap kali sejurus selepas pembentangan Laporan Ketua Audit Negara. Alhamdulillah, Sesi Bersama Media kali ke-3 ini dapat diadakan selepas pembentangan Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2014 Siri 1 yang telah dibentangkan di Parlimen semalam, 6 April 2015.
3. Saya berkeyakinan pihak media telah membaca keseluruhan Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2014 Siri 1 beserta maklum balas yang diberikan. Harapan saya agar pelaporan dalam media lebih menyeluruh dengan mengambil kira tindakan penambahbaikan yang telah dibuat oleh kementerian.
4. Di kesempatan ini, saya ingin merakamkan ucapan terima kasih di atas kehadiran Ketua-ketua Setiausaha Kementerian, Ketua-Ketua Jabatan dan Agensi Kerajaan serta pihak media pada hari ini.

### **PENGAUDITAN OLEH JABATAN AUDIT NEGARA**

5. Pengauditan oleh Jabatan Audit Negara adalah selaras dengan Perkara 106 dan 107 Perlembagaan Persekutuan dan Akta Audit 1957 yang menghendaki Ketua Audit Negara mengaudit penyata kewangan, pengurusan kewangan, aktiviti Kementerian/Jabatan serta pengurusan syarikat Kerajaan Persekutuan. Seterusnya, Laporan mengenainya hendaklah dikemukakan kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan

Agong untuk mendapatkan perkenan supaya Laporan itu dibentangkan di Parlimen.

6. Seksyen 6(d), Akta Audit 1957 menghendaki Ketua Audit Negara menjalankan pengauditan untuk menilai sama ada aktiviti Kerajaan diuruskan dengan cekap, berhemat dan selaras dengan objektif aktiviti berkenaan. Pengauditan tersebut melibatkan pelbagai aktiviti seperti perolehan, pentadbiran kontrak, pengurusan aset, pembinaan, infrastruktur, penyenggaraan, pelajaran, kesihatan, pembangunan modal insan, pengurusan hasil, program peningkatan sosioekonomi dan alam sekitar. Setiap Laporan Ketua Audit Negara mengandungi perkara yang telah diperhatikan hasil daripada pengauditan terhadap program, aktiviti dan projek di bawah Kementerian, Jabatan dan Agensi di peringkat persekutuan dan negeri.

### **TINDAKAN SUSULAN LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA**

7. Bagi setiap teguran Ketua Audit Negara yang bersifat *punitive* yakni yang melibatkan penyelewengan, penyalahgunaan kuasa, salah laku atau kecuaian pelaksanaan tugas, Jawatankuasa Siasatan ditubuhkan bagi menentukan sama ada tindakan tatatertib, surcaj atau pertuduhan jenayah di mahkamah wajar diambil ke atas pegawai.

8. Sekiranya terdapat unsur jenayah dalam teguran yang dibuat dalam Laporan Ketua Audit Negara, teguran ini akan dirujuk kepada pihak Polis Diraja Malaysia atau Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia jika

melibatkan pelanggaran Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah 2009 untuk siasatan dan tindakan selanjutnya.

9. Setiap pegawai yang disyorkan oleh Jawatankuasa Siasatan untuk dikenakan tindakan tatatertib akan dibawa ke pertimbangan Pengerusi Lembaga Tatatertib yang berkenaan untuk ditentukan kewujudan kesalahan/*prima facie* kes pegawai tanpa sebarang pengecualian. Bagi kes yang ditentukan wujud kesalahan/*prima facie*, surat pertuduhan akan dikeluarkan ke atas pegawai. Berdasarkan kepada pertuduhan-pertuduhan tatatertib yang dikenakan ke atas pegawai melibatkan Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2012 dan Tahun 2013, salah laku pegawai bukanlah disebabkan kecuaian semata-mata tetapi melibatkan pelanggaran tatakelakuan yang lain seperti kurang cekap atau kurang berusaha, tidak bertanggungjawab dan ingkar perintah dalam melaksanakan tugas masing-masing.

10. Bagi setiap kes tatatertib yang dibentangkan dalam Lembaga Tatatertib, kes-kes ini dipertimbangkan berdasarkan merit kes dan selaras dengan prinsip-prinsip keadilan. Sekiranya keterangan yang dibentangkan boleh mengaitkan pegawai dengan pertuduhan yang dikenakan, hukuman yang setimpal dengan kesalahan pegawai akan dikenakan. Manakala sekiranya representasi pegawai berjaya membersihkan pegawai daripada pertuduhan yang dikenakan, pegawai akan dibebaskan.

11. Seperti yang pernah saya tegaskan dalam Sesi Bersama Media sebelum ini, bilangan penjawat awam yang terlibat dengan salah laku

seperti dibangkitkan dalam Laporan Ketua Audit Negara ini merupakan sebahagian kecil iaitu **0.02%** daripada jumlah keseluruhan pegawai dalam perkhidmatan awam. Walau bagaimanapun, Kerajaan sentiasa memandang serius kes salah laku ini dan akan memastikan teguran oleh Laporan Ketua Audit Negara diambil tindakan susulan yang sewajarnya. Usaha penambahbaikan secara berterusan juga diambil untuk mengelakkan teguran yang sama di masa hadapan.

## **LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2012 DAN TAHUN 2013**

### **Status Teguran *Punitive***

12. Pada sesi ini, saya ingin memaklumkan status tindakan tatatertib yang telah dimulakan ke atas pegawai-pegawai awam yang dikenalpasti terlibat dalam ketidakurusan, seperti mana dilaporkan dalam Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2012 dan Tahun 2013. Dalam dua Sesi Bersama Media yang telah diadakan sebelum ini, iaitu pada 7 Jun 2014 bertempat di Institut Integriti Malaysia sejurus pembentangan Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2013 Siri 2, dan pada 17 November 2014 bertempat di Auditorium Perdana, Angkasapuri, selepas pembentangan Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2013 Siri 3, sebanyak **211 teguran *punitive*** yang melibatkan **339 orang pegawai**, telah dikenalpasti untuk dimulakan prosiding tatatertib.

13. Lembaga Tatatertib setelah meneliti fakta kes dan representasi pegawai, memutuskan **39%** atau **132 pegawai** dikenakan hukuman dan

**59%** atau **200 pegawai** lagi dibebaskan. Terdapat **7 pegawai (2%)** masih dalam prosiding tatatertib. Pecahan hukuman adalah seperti berikut:

Bil.	Jenis Hukuman	Jumlah Pegawai (Peratus)
1.	Buang Kerja ( <i>Dismissal</i> )	1 (1%)
2.	Turun Gaji ( <i>Reduction of Salary</i> )	3 (2%)
3.	Tangguh Pergerakan Gaji ( <i>Deferment of Salary Movement</i> )	13 (10%)
4.	Denda ( <i>Fine</i> )	7 (5%)
5.	Denda dan Surcaj ( <i>Fine and Surcharge</i> )	2* (2%)
6.	Amaran dan Tangguh Pergerakan Gaji ( <i>Warning and Deferment of Salary Movement</i> )	1 (1%)
7.	Amaran dan Denda ( <i>Warning and Fine</i> )	2 (2%)
8.	Amaran dan Surcaj ( <i>Warning and Surcharge</i> )	9*(7%)
9.	Amaran ( <i>Warning</i> )	65 (48%)
10.	Surcaj ( <i>Surcharge</i> )	29* (22%)
	<b>Jumlah</b>	<b>132 (100%)</b>

\* Jumlah surcaj yang dikenakan ke atas pegawai terbabit adalah **RM86,767.85**

14. Saya ingin jelaskan hukuman yang dinyatakan tersebut juga turut memberi kesan terhadap status pelantikan pegawai, kerjaya dan emolumen pegawai seperitimana berikut:

Jenis Hukuman	Implikasi Hukuman
Buang Kerja	Dibuang dari perkhidmatan awam. Pegawai kehilangan semua faedah persaraan.
Turun Gaji	Pegawai tidak akan dipertimbangkan kenaikan pangkat bagi tempoh <b>36 bulan</b> .
Tangguh Pergerakan Gaji	Pegawai tidak akan dipertimbangkan kenaikan pangkat bagi tempoh <b>30 bulan</b> .
Denda	Pegawai tidak akan dipertimbangkan kenaikan pangkat bagi tempoh <b>18 bulan</b> .
Amaran	Pegawai tidak akan dipertimbangkan kenaikan pangkat bagi tempoh <b>12 bulan</b> .
Surcaj	Pemotongan emolumen pegawai.

15. Selain daripada itu, dalam tempoh hukuman yang dinyatakan, pegawai hilang kelayakan untuk diberi kemudahan-kemudahan berikut:

- (a) Hadiah Latihan Persekutuan (iaitu biasiswa melanjutkan pelajaran);
- (b) Pingat dan Anugerah;
- (c) Kuarters Kerajaan; dan
- (d) Pinjaman Perumahan Kerajaan.

### **Status Teguran *Corrective***

16. Bagi **1,420 teguran corrective**, **68%** atau **969 teguran** telah selesai diambil tindakan penambahbaikan oleh kementerian/agensi yang berkenaan manakala **32%** atau **451 teguran** masih dalam tindakan kerana teguran-teguran tersebut melibatkan kajian dan pindaan kepada peraturan-peraturan berkaitan.

### **LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2014 SIRI 1**

17. Seperti yang kita semua sedia maklum, Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2014 Siri 1 telah dibentangkan di Parlimen pada 6 April 2015. Dalam laporan tersebut, terdapat **319 teguran** iaitu **6 teguran punitive** (iaitu melibatkan penyalahgunaan kuasa, salah laku, penyelewengan dan kecuaian) dan **313 teguran corrective** (iaitu menjurus kepada penambahbaikan sistem dan prosedur dalaman).

### **Penurunan Teguran**

18. Jika dibandingkan teguran Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2014 Siri 1 ini, dengan purata teguran Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2013, didapati jumlah teguran menurun daripada **418 teguran** kepada **319 teguran**, iaitu sebanyak **24%** atau **99 teguran**. Teguran bersifat *corrective* menurun sebanyak **19%** atau **72 teguran** iaitu daripada **385 teguran**.

---

<sup>1</sup> Teguran *corrective* LKAN 2012 berjumlah 267 di mana 87% (230) telah selesai dan 13% (37) masih dalam tindakan. Teguran *corrective* LKAN 2013 berjumlah 1,153 di mana 64% (739) telah selesai dan 36% (414) masih dalam tindakan.

kepada **313 teguran** manakala teguran *punitive* menurun sebanyak **82%** atau **27 teguran** iaitu daripada **33 teguran** kepada **6 teguran**.<sup>2</sup>

### **Teguran *Punitive***

19. Sepertimana yang dijelaskan, bagi Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2014 Siri 1, terdapat **6 teguran *punitive*** melibatkan **3 Kementerian Persekutuan, 1 Badan Berkanun Persekutuan dan 1 Syarikat Persekutuan**. Teguran-teguran tersebut adalah:

- (a) Projek Infrastruktur Jalur Lebar Untuk Orang Ramai (BBGP) Di Sabah Dan Sarawak di **Kementerian Komunikasi dan Multimedia**;
- (b) Pengurusan Wisma Perwira Angkatan Tentera Malaysia, Jalan Padang Tembak, Kuala Lumpur di **Kementerian Pertahanan**;
- (c) Pengurusan Prasarana Dan Kemudahan Wisma Transit Kuala Lumpur di **Kementerian Pertahanan**;
- (d) Pengurusan Perolehan Perabot Bagi Pembangunan Semula Kem Batalion 5, Pasukan Gerakan Am Simpang Renggam, Johor di **Kementerian Dalam Negeri**;

---

<sup>2</sup> Bagi 3 siri LKAN Tahun 2013, jumlah teguran adalah 1,253 iaitu 1,153 teguran *corrective* dan 100 teguran *punitive*. Purata teguran adalah 418 (1,253/3 siri) di mana purata teguran bersifat *corrective* adalah 385 (1,153/3 siri) dan purata teguran *punitive* adalah 33 (100/3 siri).

(e) Pengurusan Perolehan di Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM); dan

(f) Pengurusan Perbadanan Nasional Berhad.

20. Daripada 6 teguran punitive tersebut, 1 teguran iaitu Pengurusan Perolehan Perabot Bagi Pembangunan Semula Kem Batalion 5, Pasukan Gerakan Am Simpang Renggam, Johor di Kementerian Dalam Negeri sedang diteliti oleh Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia bagi tujuan siasatan di bawah Akta SPRM 2009.

21. Bagi 5 teguran yang melibatkan Kementerian, Badan Berkanun dan Syarikat Persekutuan, 5 Jawatankuasa Siasatan ditubuhkan selepas pembentangan awal laporan oleh Ketua Audit Negara dibuat di peringkat Ketua Setiausaha Negara, Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam, Ketua Setiausaha Perbendaharaan dan Peguam Negara bagi menyiasat teguran di Kementerian Komunikasi dan Multimedia, Kementerian Pertahanan, Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM), Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar dan Pengurusan Perbadanan Nasional Berhad. Keahlian jawatankuasa adalah terdiri daripada pegawai-pegawai kanan di luar agensi yang disiasat.

(Maklumat terperinci seperti di Lampiran A)

## **Status Siasatan Jawatankuasa Siasatan**

22. Berdasarkan siasatan yang telah dijalankan oleh Jawatankuasa Siasatan, **2 orang pegawai**<sup>3</sup> telah dikenalpasti untuk dimulakan prosiding tatatertib bagi teguran yang melibatkan Pengurusan Prasarana dan Kemudahan Wisma Transit Kuala Lumpur di Kementerian Pertahanan.,
23. Seterusnya, **4 teguran punitive** melibatkan **Pengurusan Wisma Perwira Angkatan Tentera Malaysia, Jalan Padang Tembak, Kuala Lumpur di Kementerian Pertahanan, Projek Infrastruktur Jalur Lebar Untuk Orang Ramai (BBGP) Di Sabah dan Sarawak di Kementerian Komunikasi dan Multimedia, Pengurusan Perolehan di Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM), Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar** dan **Pengurusan Perbadanan Nasional Berhad** sedang dalam siasatan dan penelitian lanjut oleh pihak Jabatan Perkhidmatan Awam, Kementerian Kewangan, Jabatan Audit Negara, Jabatan Peguam Negara, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia dan kementerian yang berkenaan.

## **Teguran Corrective**

24. Bagi **313 teguran corrective**, tindakan penambahbaikan sedang diambil oleh Kementerian berkaitan. Status tindakan ini dipantau melalui *Dashboard* Jabatan Audit Negara.

---

<sup>3</sup> Dua pegawai tersebut berada di Gred 48 dan 52

## **PENUTUP**

25. Sama seperti sesi yang lepas, semua Ketua Setiausaha dan Ketua Jabatan yang berkenaan ada bersama-sama saya pada hari ini, untuk memberi penjelasan kepada pihak media mengenai tindakan susulan daripada Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2014 Siri 1 dan persoalan-persoalan yang dibangkitkan (jika ada).

Sekian,

***WabillahiTaufikWalhidayah      Wassalaamualaikum      Warahmatullahi  
Wabarakaatuh.***

**Pejabat Ketua Setiausaha Negara  
Jabatan Perdana Menteri  
7 APRIL 2015**

## LAMPIRAN A

### **6 TEGURAN *PUNITIVE* BAGI LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2014 SIRI 1 BAGI KERAJAAN PERSEKUTUAN, BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN DAN SYARIKAT PERSEKUTUAN**

Bil	Auditi	Tajuk Kajian	Isu <i>Punitve</i>
<b>I. KERAJAAN PERSEKUTUAN</b>			
1.	Kementerian Dalam Negeri  • DALAM SIASATAN SPRM	Pengurusan Perolehan Perabot Bagi Cadangan Pembangunan Semula Kem Batalion 5, Pasukan Gerakan Am Simpang Renggam, Johor	Semakan Audit mendapati perolehan dan pembayaran perabot bagi Kem Batalion 5 PGA Simpang Renggam yang diuruskan oleh PGA Briged Tengah telah dibuat pembayaran penuh berjumlah RM760,150 pada 24 dan 27 Disember 2013 walaupun tiada sebarang perabot dibekalkan sebelum atau pada tarikh tersebut. Penerimaan perabot oleh PGA Simpang Renggam hanya dibekal antara 30 Disember 2013 hingga 16 April 2014.
2.	Kementerian Komunikasi dan Multimedia	Projek Infrastruktur Jalur Lebar Untuk Orang Ramai (BBGP) Di Sabah Dan Sarawak	Jarak sebenar keseluruhan sambungan rangkaian gentian optik bagi 3 kontraktor hanya sepanjang 890.23 fkm (95.2%) berbanding jarak yang ditetapkan dalam kontrak iaitu sepanjang 935.60 fkm. Bagaimanapun, bayaran penuh berjumlah RM88.13 juta telah dibuat kepada ketiga-tiga kontraktor berkenaan.

Bil	Auditi	Tajuk Kajian	Isu <i>Punitive</i>
3.	Kementerian Pertahanan	Pengurusan Wisma Perwira Angkatan Tentera Malaysia, Jalan Padang Tembak, Kuala Lumpur	<p><b>Perubahan kerja tidak mendapat kelulusan</b></p> <p><b>APK 6</b> disebabkan oleh kontraktor telah mengambil tindakan untuk mengubah reka bentuk <i>porch</i> dengan membesar dari saiz asal yang diterima dan diluluskan. Pembesaran ini melibatkan pembesaran bumbung, penambahan <i>built up area</i> untuk bilik siber dan bilik senggaraan serta penambahan kuantiti bagi <i>dome composite panel</i> yang berjumlah RM0.65 juta.</p> <p>Manakala bagi <b>APK 7</b> pula yang berjumlah RM0.68 juta melibatkan skop kerja menaik taraf kemasan lantai lobi utama, lobi aras satu dan lobi lif yang reka bentuk asalnya jubin seramik atas arahan secara lisan yang dikeluarkan kepada kontraktor untuk pertukaran spesifikasi kemasan lantai.</p>
4.	Kementerian Pertahanan	Pengurusan Prasarana Dan Kemudahan Wisma Transit Kuala Lumpur	BKDSB gagal melaksanakan kerja-kerja pembaikan dan senggaraan seperti mana disenaraikan dalam senarai kecacatan dan kerosakan yang dikemukakan oleh pihak Kementerian. Kementerian Pertahanan telah mengemukakan tiga surat kepada Al Hidayah Investment Bank (Labuan) Ltd masing-masing bertarikh 25 Ogos 2010, 5 Oktober 2010 dan 1 November 2011 memohon untuk mencairkan sebahagian daripada <i>maintenance bond</i> bernilai RM760,000, bagaimanapun sehingga kini pencairan sebahagian <i>maintenance bond</i> belum terlaksana.

Bil	Auditi	Tajuk Kajian	Isu <i>Punitive</i>
<b>II. BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN</b>			
5.	Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM)	Pengurusan Perolehan	Sebanyak 39 pesanan tempatan berjumlah RM885,788 daripada 348 pesanan tempatan bagi tahun 2012 sehingga bulan September 2014 hanya dikeluarkan selepas bekalan/perkhidmatan telah diterima oleh FRIM. Pesanan tempatan dikeluarkan antara 1 hingga 141 hari selepas bekalan/perkhidmatan diterima.
<b>III. SYARIKAT PERSEKUTUAN</b>			
6.	Syarikat Perbadanan Nasional Berhad	Pengurusan Kewangan	<p><b>Baucar Bayaran Tanpa Dokumen Sokongan dan Pengesahan/Perakuan Kerja / Perkhidmatan Telah Sempurna</b></p> <p><b>Lapan (8)</b> daripada 35 sampel baucar bayaran Geran Promosi Francais berjumlah <b>RM1.42 juta</b> tidak dilampirkan dengan invois dan perakuan oleh pegawai yang bertanggungjawab. Pembayaran dibuat berdasarkan Surat Arahan Pembayaran dan Minit Ceraian daripada KPDKKK. Pihak Audit tidak dapat memastikan kewajaran pengesahan untuk bayaran di atas kerana dokumen sokongan tidak lengkap. Di samping itu pengesahan sama ada ada butiran perbelanjaan dilaksanakan dengan sempurna mengikut skop kerja yang diluluskan juga tidak dapat dipastikan.</p>